


**CARTA ALIRAN PROSEDUR  
LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA**



**SEBARANG PERTANYAAN  
SILA HUBUNGI :**

**PN. NUR AFIZAH BINTI AHMAD**  
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2470

**PN. NUR AFIDA BINTI ZAHAZMI**  
Penolong Pegawai Daerah  
(Unit Pelupusan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2469

**PN. NOR SHA'ADAH BINTI ABDUL WAHAB**  
**PN. FARIDAH BINTI LASIMIN**  
Ketua Pembantu Tadbir  
(Unit Pelupusan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2455/2535

**EN. AZHAR BIN ALIAS**  
Ketua Penolong Pegawai Tanah  
(Unit Pelupusan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2511

**PN. SITI ROHANA BINTI SAMSUDIN**  
**PN. NUR IRMA BINTI ZHRULLAIL**  
Pembantu Tadbir  
(Unit Pelupusan Tanah)  
Tel : 03-31822555 Ext : 2582/2601

**PANDUAN PERMOHONAN  
TANAH KERAJAAN SECARA  
LESEN PENDUDUKAN  
SEMENTARA  
DI BAWAH SEKSYEN 65  
KANUN TANAH NEGARA**



PEJABAT DAERAH/TANAH  
KUALA LANGAT  
PERSIARAN SULTAN ABDUL  
AZIZ SHAH  
KOTA SERI LANGAT (SG. SEDU)  
42700 BANTING  
SELANGOR DARUL EHSAN

NO. TEL : 03-31822555  
NO. FAKS : 03-31879004  
EMAIL : [klangat@selangor.gov.my](mailto:klangat@selangor.gov.my)

## MAKSUD LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

- ialah lesen yang dikeluarkan kepada individu, syarikat atau perbadanan bagi menduduki tanah kerajaan untuk tempoh yang berakhir pada setiap tahun

## JENIS TANAH YANG BOLEH DIPOHON

Semua Tanah Kerajaan di dalam Negeri Selangor, kecuali :

1. Tanah Milik
2. Tanah Lombong
3. Tanah Rizab
4. Tanah Simpan

## SIAPAKAH YANG LAYAK MEMOHON

1. Warganegara Malaysia dan dewasa (Di bawah Seksyen 42 KTN).
2. Perbadanan yang ada kuasa untuk memegang tanah di bawah Perlembagaan masing-masing untuk memegang tanah.
3. Raja, pemerintah, kerajaan dan organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa memegang tanah (Di bawah Ordinan Keistimewaan & Konsular 1957).
4. Badan yang ada kuasa nyata memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain: dan
  - LPS hanya boleh dikeluarkan satu sahaja untuk 1 individu/ 1 badan.

## BAGAIMANA MEMOHON

Dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah dimana tanah itu terletak.

## PERSEDIAAN PERMOHONAN

- Dokumen yang perlu disediakan oleh pemohon sebelum mengemukakan permohonan ialah :-
  - i. 1 Salinan Borang Lesen Pendudukan Sementara dan Surat Akujanji yang boleh didapati di Unit Pelupusan Tanah, Pejabat Tanah Kuala Langat
  - ii. 1 Salinan kad pengenalan.
  - iii. Permohonan dari syarikat/ koperasi/pertubuhan berdaftar :
    - (a) Perlembagaan Pertubuhan
    - (b) Sijil Pendaftaran Perniagaan
    - (c) Memorandum And Articles Of Association
    - (d) Borang 24 dan Borang 49
  - iv. Sertakan pelan tanah kawasan yang dipohon – 2 salinan

## PROSES PERMOHONAN

1. Permohonan yang diterima dan lengkap akan didaftarkan dalam buku daftar dan buka fail. Bayaran pendaftaran sebanyak RM50.00 akan dikenakan.
2. Fail akan dikemukakan kepada :
  - a) Juruteris
    - Untuk 'charting' no. fail disyit piawaian dan penyediaan laporan.
  - b) Penolong Pegawai Tanah
    - Siasatan tapak dan laporan.
  - c) Jabatan Teknikal kecuali permohonan pasir.
    - JKR, MDKL, JPS, LUAS, JMG dan JAS.
3. Kertas ringkasan kepada PTD akan disediakan untuk perakuan sebelum sesuatu keputusan dibuat oleh Pentadbir Tanah.

## LESEN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN BAGI MAKSUD

- i. Selain dari yang dicatatkan dalam lesen;
- ii. Menanam tanaman kekal; dan
- iii. Mendirikan bangunan atau struktur kekal

## KEPUTUSAN DAN KUASA MELULUSKAN

- Kertas pertimbangan keputusan kepada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) untuk mendapatkan perakuan lulus atau tolak.
- Bagi maksud kegunaan pondok pengawal dan papan iklan adalah di bawah bidang kuasa Pentadbir Tanah mengikut Seksyen 66 KTN.
- Keputusan lulus / tolak akan dimaklumkan kepada pemohon.
- Sekiranya lulus, pemohon dikehendaki membuat bayaran seperti yang telah ditetapkan dalam surat kelulusan.
- Lesen (Borang 4A) akan dikeluarkan kepada pemohon dan proses selesai.

## LARANGAN

- i. OTidak boleh diwarisi
- ii. Tidak boleh membuat cubaan haknya di bawah LPS; dan
- iii. Tidak boleh meneruskan usaha / menetap di atas tanah LPS jika tempohnya telah luput.